

'Ideoloji bukan perkara utama'

11 - 1 JAN 1973

KUALA LUMPUR, Ahad.
—Ideoloji tidak menjadi pekar yang utama dalam membentuk program perjuangan parti-parti politik di Malaysia, tegas Dr. Mahathir Mohamad.

Rakyat lebih sedar dan lebih menitikberatkan soal yang berhubung terus dengan nasib mereka — sebagai individu, kumpulan atau kaum, katanya.

"Oleh yang demikian, par-

Oleh ISMAIL WAHID

ti-parti politik dan ahli politik yang bijak menumpukan perhatian mereka kepada soal ini dan mengemukakan dasar cara yang boleh menjamin nasib rakyat," katanya ketika menyampaikan ceramahnya di Bilik Gerakan UMNO Selangor di sini hari ini.

Dr. Mahathir ialah pen-syarah jempitan dalam satu ceramah politik anjuran Per-

gerakan Pemuda UMNO Bahagian Bukit Bintang.

Katanya: "Di Malaysia, seperti di lain-lain negara demokratik yang membenarkan politik berparti, parti-parti politik mencerminkan masalah-masalah yang di hadapi oleh rakyat."

"Masalah yang terbesar dihadapi oleh rakyat, ialah masyarakatnya merupakan masyarakat berbilang kaum yang tidak mudah disatukan dan tidak seimbang kedudukannya," tambah beliau.

Katanya lagi: "Malaysia samalah juga dengan negara-negara yang lain yang baru muncul dan demokratik, dari segi banyaknya bilangan parti-parti politik."

"Yang istimewa bagi Malaysia ialah rakyatnya tidak begitu berbelahbagi sehingga parti yang tidak betul-betul nasional dan kuat tidak dapat hidup," tegas beliau.

Undang2

Susunan dan bentuk parti-parti politik adalah tertakluk kepada undang-undang, kata Dr. Mahathir.

Undang - undang ini mustahak untuk mencegah penyalahgunaan parti politik demi untuk kepentingan diri seorang

atau kumpulan, katanya lagi.

Dr. Mahathir yang juga menjadi Ahli Majlis Tertinggi UMNO Malaysia menyebut kejayaan-kejayaan yang di capai oleh parti-parti pembangkang.

Katanya: "Dari kejayaan parti-parti pembangkang, kita boleh menolak tuduhan bahawa Kerajaan menggunakan undang-undang untuk mematahkan hak-hak politik demokrasi.

"Dengan demikian, kita boleh berbangga bahawa kita betul-betul mengamalkan sistem berbilang parti.

Terdahulu dari itu, Setiausaha Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Bukit Bintang, Encik Mokhtar Haji Omar menyatakan bahawa ceramah tersebut ialah yang pertama dan salah satu dari enam siri ceramah yang akan diadakan oleh pergerakan itu.

Tujuan

Katanya: "Tujuan utama kita mengadakan ceramah-ceramah ini ialah memberi peluang kepada pemuda-pemuda kita memahami serta mengikuti perkembangan politik yang berlaku di negara kita ini.

"Di samping itu juga, pemuda-pemuda dan pemimpin-pemimpin cawangan Bukit Bintang akan dapat memahami kegiatan-kegiatan serta perjuangan UMNO dari semasa kesemasa."

Satu kursus politik yang lengkap untuk pemimpin-pemimpin, ahli-ahli pemuda dan wanita cawangan-cawangan di Bahagian Bukit Bintang, akan diadakan sebagai kemuncak usaha ceramah-ceramah itu."

Lebih 50 peserta telah hadir ceramah pertama itu yang dipengerusikan oleh Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Bukit Bintang, Encik Man Harun.